

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"KEAMANAN adalah penting, kerana tanpa keamanan, pembangunan tidak akan dapat dilaksanakan. Oleh itu, rukun keamanan, mustahaklah dipelihara dan diamalkan, iaitu memegang kuat ajaran ugama, mematuhi undang-undang serta hidup dalam keadaan harmoni dan bersatu padu. Inilah rahsia keamanan itu."
- Titah Sempena Menyambut Awal Tahun Baharu Masihi 2017.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسش ايمان

MANISNYA IMAN

"SESUNGGUHNYA orang-orang yang (benar-benar) beriman itu ialah mereka yang apabila disebut nama Allah gemetarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, bertambah (kuat) iman mereka dan hanya kepada Tuhan mereka sahajalah mereka bertawakal."
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An Nisaa', ayat 65.).

Waktu Sembahyang

IMSAK

4.58

SUBUH

5.08

SYURUK

6.31

DUHA

6.55

ZUHUR

12.27

ASAR

3.49

MAGHRIB

6.22

ISYAK

7.36

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 3

7 JANUARI 2017 / 9 ربيع الأخير 1438

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

Tinjau kemudahan, prasarana sekolah

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Januari. - Dalam usaha bagi mengikut perjalanan kemasukan para pelajar seterusnya memberi sokongan dan meningkatkan hubungan baik antara pihak Kementerian Pendidikan dengan warga sekolah.

Sekali gus memberi motivasi dan semangat bagi para pelajar yang masuk memulakan sesi persekolahan Tahun 2017, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman telah mengadakan lawatan ke dua buah sekolah rendah di Daerah Brunei dan Muara.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Pendidikan, ketibaan Yang Berhormat dan rombongan di Sekolah Rendah Rimba I, Kluster 4 dialu-alukan oleh Guru Besar sekolah berkenaan, Dayang Aji binti Haji

Ahmad dan Ketua Kluster 4, Dayang Hajah Suriani binti Haji Noor Hashim.

Sekolah Rendah Rimba I mempunyai seramai 422 pelajar dan 43 tenaga pengajar.

Semasa berada di sekolah tersebut, rombongan berpeluang menyaksikan aktiviti-aktiviti yang dilakukan di blok prasekolah berkenaan.

Rombongan kemudian melawat sesi pengajaran di dalam bilik darjah murid-murid prasekolah dan meninjau beberapa buah bilik darjah bagi melihat perjalanan pengajaran di dalam kelas.

Ketika berada di dalam kelas berkenaan, Yang Berhormat dan rombongan juga beramah mesra dengan pelajar-pelajar.

Ke muka 3



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa mengadakan lawatan ke salah sebuah sekolah rendah di Daerah Brunei dan Muara.

Penyebaran maklumat Tarian Singa / Naga ditegah tidak betul

Siaran Akhbar :
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 6 Januari. - Berikutan dengan penyebaran maklumat mengenai Tarian Singa ditegah di Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Tahun Baharu Cina dan Majlis Sambutan Perayaan Tahun Baharu Cina yang disebarkan melalui media cetak dan media sosial beberapa hari yang lalu, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) ingin memaklumkan bahawa kenyataan yang dikeluarkan

adalah tidak betul.

Negara Brunei Darussalam tidak pernah menegah rakyat dan penduduk masyarakat Tiong Hua di Negara Brunei Darussalam merayakan Tahun Baharu Cina. KHEDN mempunyai garis panduan dalam mempertimbangkan permohonan pertunjukan Tarian Singa / Naga sempena Sambutan Tahun Baharu Cina.

Pada lazimnya, sejak tahun 2012, permohonan untuk mengadakan Tarian

Singa / Naga sempena Tahun Baharu Cina adalah dibenarkan dalam tempoh masa selama tiga (3) hari sahaja tergantung kepada persyaratan yang berkuat kuasa pada masa ini.

Sehubungan itu, permohonan untuk mengadakan pertunjukan Tarian Singa / Naga sempena Sambutan Tahun Baharu Cina pada tahun 2017 adalah juga dibenarkan dalam tempoh masa selama tiga (3) hari sahaja iaitu mulai pada 28 Januari hingga 30 Januari 2017 dan khusus diadakan di tempat-tempat seperti berikut:-

Ke muka 7



Muka 3

MSPSBS terima
315 pelajar Tahun 7



Muka 13

PROGRAM Keusahawanan
Perbadanan TAIB sokong
kerajaan

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept_bn



Jabatan
Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

Pelaburan China di Negara Brunei Darussalam meningkat

SELAMAT pagi kepada semua. Bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada tetamu dari luar negara ke 'Abode of Peace' Brunei Darussalam.

Pertama sekali, izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Bank of China (Hong Kong) Cawangan Brunei untuk pembukaan cawangan anda di Negara Brunei Darussalam.

Kedua-dua Negara Brunei Darussalam dan China sudah lama mengamalkan persahabatan yang berdasarkan rasa hormat dan persefahaman. Hubungan dua hala kita juga berkembang lebih kukuh dengan pelbagai kerjasama yang merangkumi infrastruktur tenaga, pertanian, perikanan, pendidikan, pelancongan serta pertukaran antara rakyat kita. Hari ini, China merupakan salah satu rakan dagangan terbesar Brunei. Selaras dengan Wawasan Brunei 2035 dan China's One Belt One Road Initiative, terdapat banyak lagi bidang kerjasama dan matlamat bersama yang boleh diterokai oleh kedua-dua negara.

Pada masa ini, terdapat hampir 30 syarikat dari China di Brunei Darussalam. Bilangan ini berkembang sangat cepat dan jumlah pelaburan langsung dari China pada 2016 telah mengatasi jumlah keseluruhan dari tahun-tahun sebelumnya. Pelaburan ini memberi manfaat untuk pengguna tempatan, pembekal, masyarakat dan juga pekerja. Brunei, negeri yang aman dan *green heart* di rantau ASEAN yang mempunyai pendidikan yang tinggi pendidikan dan kelebihan alam sekitar, mengalu-alukan pelaburan asing dengan menyediakan platform yang baik dan peluang untuk mengakses ASEAN dan pasaran Islam. Ini jelas dapat dilihat dari usaha yang berterusan untuk meletakkan Brunei Darussalam sebagai destinasi menarik bagi pelabur asing. Pada 2016, Brunei berada di kedudukan ke-72 dalam *ranking* Ease of Doing Business.

Hari ini menandakan permulaan Institusi Kewangan China yang pertama di Brunei. Bank of China terkenal sebagai salah satu kumpulan perbankan terkemuka di seluruh dunia dan menyediakan perkhidmatan



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa berucap pada Majlis Perasmian Pembukaan Bank of China (Hong Kong) Cawangan Brunei pada hari Selasa, 20 Disember 2016 di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Hotel & Country Club.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Haji Mirazman bin Haji Othman

perbankan yang komprehensif dan profesional kepada pelanggan dari korporat ke individu. Dengan perkhidmatan yang berdedikasi anda, saya percaya Bank of China akan membantu Brunei untuk memenuhi permintaan bagi mencapai Wawasan 2035, terutamanya dalam memberi Pelaburan Langsung Asing (FDI), membangunkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan menggalakkan hubungan ekonomi dan perdagangan dua hala antara Brunei dan China.

Saya juga gembira untuk mengetahui bahawa Bank of China sedang melaksanakan strateginya untuk mengubah Bank of China (Hong Kong) ke dalam bank serantau yang berdaya saing. Pembukaan Cawangan Brunei menunjukkan keyakinan anda dalam masa depan Brunei dan ASEAN. Saya berharap kejayaan besar untuk Bank of China (Hong Kong) dengan menyediakan lebih banyak pilihan kepada pasaran kewangan Brunei dan pelanggan, dan juga sumbangan yang unik kepada pembangunan dan kemakmuran negara kita.

Tahniah kepada kumpulan Bank of China dan saya ingin mengucapkan terima kasih semua orang satu pengalaman yang hebat untuk pembukaan Bank of China (Hong Kong) Cawangan Brunei.

Terima kasih. Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

"PADA masa ini terdapat hampir 30 syarikat dari China di Brunei Darussalam. Bilangan ini berkembang sangat cepat dan jumlah pelaburan terus dari China pada 2016 telah mengatasi jumlah keseluruhan dari tahun-tahun sebelumnya. Pelaburan ini memberi manfaat untuk pengguna tempatan, pembekal, masyarakat dan juga pekerja. Brunei, negeri yang aman dan hati hijau di rantau ASEAN dengan kelebihan pendidikan dan alam sekitar yang tinggi, mengalu-alukan pelaburan asing dengan menyediakan platform yang baik dan peluang untuk mengakses ASEAN dan pasaran Islam."

Pertukaran waktu operasi BruIPO, EIDPMO

Siaran Akhbar : Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Januari. - Pejabat Harta Intelek Brunei (BruIPO) Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri (EIDPMO) memaklumkan kepada orang ramai bahawa mulai 4 Januari waktu operasi bagi BruIPO, EIDPMO adalah diubah.

Menurut Siaran Akhbar EIDPMO waktu operasi ialah hari Isnin hingga Khamis bermula pada jam 7.45 pagi hingga 12.15 tengah hari dan Sabtu pada jam 1.30 hingga 4.30 petang.

Sementara itu, bagi waktu pembayaran, bolehlah dibuat pada hari Isnin hingga Khamis pada jam 8.00 hingga 11.00 pagi dan 2.00 hingga 3.00 petang dan Sabtu pula pada

jam 8.00 hingga 11.00 pagi sahaja.

Manakala pada hari Jumaat waktu operasi dan pembayaran ditutup.

Kaunter BruIPO di Business Support Centre (BSC) terletak di Aras 1, Bangunan D & T Anggerek Desa akan terus beroperasi mengikut waktu perniagaan BSC dari hari Isnin hingga Jumaat.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi BruIPO melalui talian +673 238 0965 / +673 2380966 atau e-mel di enquiries@bruipo.gov.bn.

Ramalan Cuaca 3 Hari		
SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN		
32°C	25°C	32°C
MUNDA		
32°C	25°C	32°C
PEKAN BANGAS		
32°C	25°C	32°C
PEKAN TUTONG		
32°C	25°C	32°C
22 JANUARI		
32°C	25°C	32°C
MUNDA SELATI		
32°C	25°C	32°C

WAKTU SEMBAHYANG										
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."										
Masihi JANUARI	HARI	Hijrah RABIULAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
7	SABTU	9	4.58	5.08	6.31	6.55	12.27	3.49	6.22	7.36
8	AHAD	10	4.58	5.08	6.31	6.55	12.28	3.50	6.22	7.37
9	ISNIN	11	4.59	5.09	6.32	6.56	12.28	3.50	6.23	7.37
10	SELASA	12	4.59	5.09	6.32	6.56	12.29	3.51	6.23	7.37
11	RABU	13	5.00	5.10	6.32	6.56	12.29	3.51	6.24	7.38
12	KHAMIS	14	5.00	5.10	6.33	6.57	12.30	3.51	6.24	7.38
13	JUMAAT	15	5.00	5.10	6.33	6.57	12.30	3.52	6.25	7.39

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN	AMBULANS 991	POLIS 993	BOMBA 995	PENYELAMAT 998	(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam	NDMC 123 2380214
-------------------------	---------------------	------------------	------------------	-----------------------	--	--------------------------------------

Dari Sidang Pengarang.

7 JANUARI 2017 BERSAMAAN 1438 ربيع الأخير 9

TANAI TANGGUNGJAWAB PELIHARA KEAMANAN NEGARA

ALHAMDULILLAH, sebagai rakyat dan penduduk di bumi bertuah, Brunei Darussalam ini kita dapat hidup aman, damai dan tenteram tanpa sebarang kekacauan yang boleh mengancam kelangsungan kehidupan. Keamanan yang kita nikmati ini adalah tanggungjawab semua pihak bukannya hanya bergantung pada pihak-pihak keselamatan dan agensi-agensi keselamatan sahaja malahan kita semua hendaklah memainkan peranan dalam sama-sama berfikir dan bertanggungjawab dalam memelihara serta mengekalkan keselamatan yang dinikmati ini.

Namun bagi memastikan segala keamanan dan kemakmuran yang dinikmati ini sentiasa terpelihara dan terjamin maka sudah setentunya penubuhan pasukan keselamatan perlu diwujudkan seperti pasukan tentera, pasukan polis dan pasukan-pasukan keselamatan yang lainnya. Sehubungan itu, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) adalah antara pasukan keselamatan yang telah lama wujud sejak tahun 1921, dan sekarang telah menjangkau usia 96 tahun. Di samping penubuhannya, PDB telah pun melalui pelbagai perubahan, kejayaan dan kecemerlangan dalam menjaga kestabilan negara serta dapat meningkatkan mutu perkhidmatan yang lebih berkualiti sejajar dengan perkembangan dan peredaran masa.

Dalam memberikan perkhidmatannya kepada masyarakat, kerjaya sebagai anggota polis merupakan satu khidmat yang mulia di sisi agama kerana kerjaya ini, satu amalan yang mulia. Oleh itu, para anggota polis juga hendaklah memperkuat iman kerana dengan iman yang kuat sahaja dapat memupuk dan membudayakan nilai-nilai kerohanian dan keagamaan dalam kehidupan dan tugas-tugas harian seperti bersifat jujur, amanah dan ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu, segala khidmat bakti yang dicurahkan oleh anggota polis kepada masyarakat hendaklah dilakukan dengan profesional, adil dan tidak pilih kasih serta tidak memeralatkan orang lain demi kepentingan diri sendiri. Para anggota polis juga hendaklah sentiasa beringat-ingat agar tidak sewenang-wenangnya menggunakan kuasa yang telah diamanahkan seperti melakukan rasuah, penyelewengan, penipuan dan sebagainya. Di samping itu, mereka juga perlu menjaga dan menanai imej dan kredibiliti pasukan polis demi maruah negara, bangsa dan rakyat.

Kita sebagai rakyat dan penduduk di negara ini perlu berganding bahu bersama pasukan polis dalam sama-sama menjaga keamanan dan mencegah jenayah daripada berlaku. Jika ada kegiatan jenayah atau apa sahaja yang mencurigakan berlaku di sekeliling kita, laporkanlah ia kepada pihak berkuasa untuk membendung gejala tersebut. Hal ini kerana orang ramai juga memainkan peranan penting dalam sama-sama membantu pihak polis bagi melaporkan apa sahaja kegiatan yang melanggar undang-undang. Kita hendaklah sentiasa berhati-hati dan berwaspada serta saling ingat-mengingati agar tidak menjadi mangsa penjenayah. Perlu diingat juga terapkanlah budaya bekerjasama dalam mencegah kejadian jenayah serta tidak camah mata sepertimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An Nisaa' ayat 85 : Tafsirnya "Sesiapa yang memberikan pertolongan dengan baik nescaya dia akan memperoleh bahagian (pahala) daripada-Nya, dan sesiapa yang memberikan pertolongan dengan buruk nescaya dia akan mendapat bahagian (dosa) daripada-Nya. Dan Allah adalah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu."

Dalam era globalisasi yang serba mencabar ini, sememangnya perkembangan teknologi maklumat tidak dapat dibendung lagi apabila setiap maklumat dengan mudah dan cepat diterima oleh orang ramai. Kadangkala setiap maklumat tentang apa sahaja kejadian yang berlaku itu, mudah saja kita terima melalui aplikasi media sosial, namun sebagai anggota masyarakat kita hendaklah bijak menilai atau menyebarkan maklumat berkenaan kerana jika maklumat tidak tepat ia boleh mendatangkan rasa tidak selesa orang ramai hingga menimbulkan ketidaktenteraman. Dalam hal ini, pasukan polis hendaklah mengambil langkah-langkah tertentu bagi memastikan trend komunikasi seumpama ini tidak akan menjejaskan ketenteraman awam dan memastikan hak-hak individu terjamin.

Oleh yang demikian, sebagai rakyat dan penduduk yang cintakan negara ini, kita perlulah bekerjasama menjaga keamanan, keselamatan dan kesejahteraan negara agar bebas daripada sebarang jenayah dan kegiatan yang boleh mengancam keselamatan. Dalam hubungan ini, tidak lupa juga diucapkan tahniah kepada para anggota PDB atas pencapaian selama 96 tahun dalam memastikan keamanan dan kesejahteraan di bumi Brunei Darussalam tercinta ini. - **Ketua Penyuntingan (Rd).**

MSPSBS terima 315 pelajar Tahun 7

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Januari. - Seramai 315 pelajar telah menerima tawaran untuk belajar di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) di mana pelajar-pelajar dibahagikan kepada 13 buah kelas dan ditempatkan di Blok 'A' dan Blok 'D' yang mana penempatan ke dalam kelas-kelas ini adalah berdasarkan pilihan mata pelajaran bagi mata pelajaran pilihan (*Option Subject*) dan mengikut kekosongan.

Waktu pembelajaran adalah mulai jam 12.45 tengah hari hingga jam 5.30 petang.

Misi maktab iaitu, 'To produce capable and high achieving students with potentials' manakala visinya ialah 'Successful Education Promising Future'.

Pemangku Pengetua MSPSBS, Awang Haji Ismail bin Haji Zainal ketika memberikan ucapan pada Majlis Kemasukan Pelajar Tahun 7, 2017 yang berlangsung di Auditorium, maktab berkenaan menjelaskan bahawa pendidikan yang berjaya (*successful education*) bukan hanya bermaksud kepada pencapaian akademik yang cemerlang sahaja, malah ia meliputi kepada sahsiah dan moral tinggi pelajar-pelajar yang bakal

memimpin dan menerajui negara pada masa hadapan.

Manakala menyentuh perkembangan sahsiah pelajar-pelajar dalam 'Key Focus Area' Awang Haji Ismail seterusnya menekankan mengenai disiplin pelajar, bidang kerohanian dan penglibatan pelajar-pelajar dalam aktiviti-aktiviti seperti sukan, rentas desa, kerja-kerja amal dan mengikut salah satu kelab di maktab itu.

"Maktab Sains juga akan sentiasa terlibat dalam acara-acara negara seperti Sambutan Hari Kebangsaan dan sebagainya. Oleh itu, pelajar-pelajar mestilah pandai membahagikan masa dan mengimbangi akademik dan CCA," ujarnya.

Dari segi kerohanian pula, tambahnya, pihaknya menyediakan tempat agar pelajar-pelajar dapat melaksanakan Solat Zuhur dan Asar secara berjemaah dan menasihatkan agar para pelajar akan sedia berwujud dari rumah sebelum datang ke sekolah dan membawa telekung bagi penuntut perempuan.

Menurutnya, pihak maktab juga akan mengadakan program bacaan Al-Quran bagi semua pelajar setiap hari Khamis sebelum memulakan pembelajaran dengan hasrat agar semua pelajar khatam sekurang-kurangnya sekali semasa menjadi penuntut di MSPSBS.

Menyentuh mengenai program pendidikan di maktab itu katanya, MSPSBS cuma menawarkan Program Pendidikan Menengah 'General' iaitu Program Ekspres selama empat tahun sahaja sebelum pelajar-pelajar menduduki Peperiksaan 'O' Level, di mana pelajar-pelajar akan mengikut program pendidikan umum, (*common curriculum*) selama dua tahun dalam Tahun 7 dan 8 sebelum menduduki Peperiksaan SPE pada penghujung tahun 2018.

Beliau seterusnya berkata, para pelajar akan mengikut pembelajaran di Menengah Atas yang menjurus kepada 'O' Level dalam masa dua tahun iaitu dalam Tahun 9 dan 10 yang mana



BERANGKAT pada majlis tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hajah Taiyibah Qalbul Bolqiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolqiah. Juga berangkat, cucunda DTYM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolqiah, Pengiran Wajeeh Al-Bolkiah bin Pengiran Haji Mohammad Hakimuddin yang merupakan salah seorang pelajar Tahun 7 yang baharu di MSPSBS.

kegagalan pelajar-pelajar mencapai kriteria ini akan menyebabkan pelajar-pelajar berkenaan berpindah mengikut tadahan masing-masing.

Awang Haji Ismail juga menegaskan, kehadiran pelajar-pelajar setiap hari ke sekolah adalah penting, agar tidak tercalar dan ketinggalan pembelajaran serta dapat mengikutnya dengan baik dan sempurna, termasuk ketepatan waktu hadir dan tidak lewat datang ke sekolah dan seterusnya menghadirkan diri di kelas-kelas tambahan jika diperlukan.

"Saya ingin mengingatkan di sini bahawa jika peratus kehadiran didapati kurang dari 85 peratus, ia akan menyebabkan pelajar berkenaan ditahan kelas pada sesi akademik tahun berikutnya. Oleh itu, pihak maktab memohon kerjasama ibu bapa dan penjaga agar dapat memantau dan memastikan anak-anak mereka sentiasa hadir ke sekolah tepat pada waktunya setiap hari. Permohonan cuti semasa waktu persekolahan adalah tidak dibenarkan kecuali atas sebab-sebab yang tertentu yang dipersetujui oleh komiti maktab," ujarnya.

Beliau seterusnya memaklumkan bahawa maktab telah menubuhkan Persatuan Ibu Bapa dan Guru atau lebih dikenali sebagai PIBG atau PTA (*Parents Teachers Association*) yang mana persatuan ini aktif dalam mengukuhkan beberapa aktiviti untuk warga maktab.

Dengan itu katanya, ibu bapa dan penjaga pelajar MSPSBS secara automatik menjadi ahli dalam persatuan ini dan dialu-alukan untuk sama-sama berkongsi pengetahuan dan pengalaman atau mengadakan aktiviti-aktiviti yang relevan, bersama dengan pelajar-pelajar maktab yang mana usaha kongsi sama yang sedemikian mudah-mudahan akan memberi manfaat kepada pelajar-pelajar khususnya dan warga maktab amnya.

Tambahnya, pihak ibu bapa dan penjaga adalah dikehendaki untuk hadir dan bermuzakarah dengan guru-guru dan pihak maktab semasa Majlis Muzakarah atau *Parents Teachers Meet (PTM)*, atau apabila dikehendaki untuk kebaikan pelajar-pelajar dan semua pihak.

"Berikanlah kerjasama dan sokongan padu kepada pihak maktab, demi kejayaan dan kecemerlangan anak abiskita. Sebarang kemusykilan atau kekusaran kita bawa duduk bersama berbingcang, bermuzakarah dan menyelesaikan bersama di dalam suasana kekeluargaan, keluarga MSPSBS," ujarnya lagi.

Terdahulu, beliau menyarankan kepada pelajar untuk rajin dan tekunlah belajar di samping mengikut program-program dan aktiviti-aktiviti maktab, di samping tidak mengabaikan kwajipan kita terhadap agama.

Beliau juga berharap agar kecemerlangan yang telah dicapai ini akan terus dapat ditingkatkan lagi, agar ia akan sentiasa terus bersinar dan bergemerlapan untuk mempersiapkan diri pelajar-pelajar sebagai pelapis pemimpin-pemimpin, profesional-profesional dan sebagainya untuk masa hadapan.

Majlis itu juga diteruskan dengan taklimat pengenalan SPE Tahun 7, 2017 dan taklimat PIBG.

Berangkat pada majlis itu, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hajah Taiyibah Qalbul Bolqiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda

Mohamed Bolqiah.

Pengiran Wajeeh Al-Bolkiah bin Pengiran Haji Mohammad Hakimuddin yang merupakan cucunda kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolqiah, merupakan salah seorang pelajar Tahun 7 yang baharu di MSPSBS.

Sementara itu, Dayang Sahira Nabilah binti Md. Bahrin yang menuntut di Tahun 7 ketika ditemui oleh Pelita Brunei menyatakan hasratnya untuk terus berjaya dan meningkatkan pencapaiannya di maktab ini agar suatu hari akan dapat melanjutkan pembelajaran dalam bidang kedokteran sains.

Di samping itu jelasnya, sambil belajar beliau juga ingin aktif dari segi aktiviti sosial di maktab dan sukan jasmani dan mencuba sesuatu yang baru.

Ketika ditanya mengenai persediaan yang dibuat sehingga mencapai kejayaan setakat ini, beliau berkata, sentiasa mengulang kaji secara konsisten setiap hari di rumah manakala di dalam kelas untuk sentiasa faham apa yang telah diajarkan.



PEMANGKU Pengetua MSPSBS, Awang Haji Ismail bin Haji Zainal semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.



PARA ibu bapa dan penjaga semasa menemani anak-anak mereka mendaftar masuk ke maktab berkenaan.



DAYANG Sahira Nabilah binti Md. Bahrin (kanan) yang menuntut di Tahun 7 ditemani ibunya semasa mendaftar masuk ke MSPSBS.

Tinjau kemudahan, prasarana sekolah



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa menyaksikan sesi pembelajaran di Sekolah Rendah Rimba I, Kluster 4 dan Sekolah Rendah Rimba II, Kluster 4 (kiri dan kanan).

Dari muka 1

Seterusnya, lawatan Yang Berhormat dan rombongan diteruskan ke Sekolah Rendah Rimba II, Kluster 4.

Ketibaan rombongan Yang Berhormat dialu-alukan oleh Guru Besar sekolah, Chantal Valerie Brimiah.

Ketika berada di sekolah berkenaan, Yang Berhormat melawat ke blok prasekolah dan diberi penerangan mengenai dengan persediaan serta implementasi pendaftaran serta penerimaan murid semasa sesi orientasi serta persediaan bagi bermula sesi persekolahan bagi prasekolah yang akan bermula pada 9 Januari ini.

Rombongan Yang Berhormat seterusnya dibawa melawat ke beberapa buah bilik darjah dan bilik khas bagi menyaksikan sesi pengajaran dan pembelajaran yang sedang dijalankan.

Siri lawatan diakhiri dengan sesi dialog dan kongsi sama berkenaan dengan 'School Development Plan 2017' yang dikongsi oleh Guru Besar sekolah berkenaan.

Sekolah Rendah Rimba II, Kluster 4 mempunyai keramaian 551 pelajar dan 57 tenaga pengajar.

Lawatan bertujuan untuk meninjau dan melihat kemudahan-kemudahan dan prasarana yang terdapat di kedua-dua buah sekolah yang dilawati.

Turut menyertai rombongan, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; Ketua Pengarah Pendidikan, Awang Haji Abd. Rahim bin Derus; pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan.

TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar berinteraksi bersama salah seorang pelajar Sekolah Rendah Rimba II, Kluster 4 (kanan).

ANTARA sesi pembelajaran yang diadakan di Sekolah Rendah Rimba II, Kluster 4 (kanan sekali).



YANG Berhormat Menteri Pendidikan ketika berinteraksi bersama salah seorang guru di Sekolah Rendah Rimba I, Kluster 4.



854 pelajar baharu mulakan persekolahan Arab



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman (kiri) semasa meninjau secara lebih dekat sesi pembelajaran murid-murid persekolahan Arab dan agama di Ma'had Islam Brunei.

TUTONG, Khamis, 5 Januari. - Persekolahan Arab telah menerima seramai 854 pelajar baharu Sanah (Tahun) 5 di seluruh negara terdiri daripada 387 lelaki dan 467 perempuan.

Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan di Daerah Brunei dan Muara mencatatkan keramaian tertinggi dengan kemasukan seramai 390 pelajar perempuan Tahun 5 dan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMPRIAPAD) menempatkan seramai 337 pelajar

lelaki.

Ma'had Islam Brunei pula menerima kemasukan pelajar baharu Sanah 5 seramai 70 pelajar (28 lelaki dan 42 perempuan).

Manakala Sekolah Arab Belait pula menerima seramai 37 pelajar terdiri daripada 16 lelaki dan 21 perempuan.

Sekolah Arab Temburong juga menerima kemasukan pelajar seramai 20 orang iaitu 6 lelaki dan 14 perempuan.

Sehubungan itu, Menteri Hal Ehwal

Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman telah meninjau kemasukan pelajar-pelajar baharu Sanah 5 di Ma'had Islam Brunei, Daerah Tutong.

Kehadiran Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan rombongan adalah bagi menyuntik semangat dan motivasi kepada pelajar-pelajar baharu yang melalui peralihan persekolahan dari aliran umum ke aliran Arab.

Yang Berhormat turut berkesempatan berinteraksi dengan

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

ibu bapa yang hadir bagi mendengar secara langsung harapan dan ekspektasi ibu bapa memasukkan anak-anak mereka ke persekolahan Arab serta menekankan peri pentingnya komitmen bersama dalam menayakan kemajuan anak-anak mereka.

Lawatan kerja Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dimulai dengan lawatan ke kelas-kelas pelajar perempuan dan lelaki dan seterusnya mendengar sesi taklimat bertajuk 'Perancangan Perkembangan Sekolah bagi Tahun 2017' (School Progress

Plan for 2017) yang disampaikan oleh Guru Besar Ma'had Islam Brunei, Pengiran Asmadi bin Pengiran Haji Aliuddin.

Turut menyertai lawatan tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof; Pengarah Pentadbiran KHEU, Awang Haji Zulkifli bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah dan Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Ajjiah binti Haji Moktal.



ANTARA pelajar baharu Sanah 5 di Ma'had Islam Brunei, Daerah Tutong.

Tinjau kemasukan murid baharu sekolah ugama



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman ketika membuat lawatan ke Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah, Berakas.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Januari. - Dalam menzahirkan keprihatinan dan sokongan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) atas usaha-usaha Jabatan Pengajian Islam (JPI) dan pimpinan sekolah-sekolah ugama di daerah-daerah terhadap segala persiapan, penilaian, strategi dan sasaran pihak sekolah, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia

Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman meneruskan lagi siri lawatannya ke Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah, Berakas.

Ketibaan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan rombongan dialu-alukan oleh Guru Besar sekolah berkenaan, Dayang Hajah Jamaliah binti Haji Mohd Yassin serta guru-guru dan kakitangan sekolah berkenaan.

Turut menyertai lawatan tersebut ialah Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof; Pengarah Pentadbiran KHEU, Awang Haji Zulkifli bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah dan Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Ajjiah binti Haji Moktal.

Semasa lawatan, Yang Berhormat berkesempatan membuat tinjauan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad

kemasukan murid-murid baharu Darjah Pra, Kelas Darjah 4 dan Kelas Darjah 5 dan 6 sambil beramah mesra dengan murid-murid.

Pada hari yang sama, JPI, KHEU mengadakan hari pendaftaran kemasukan pelajar-pelajar baharu Darjah Pra ke sekolah-sekolah ugama keempat-empat buah daerah hari ini.

Pendaftaran kemasukan pelajar bermula jam 7.30 pagi bagi sesi pagi dan jam 1.30 petang bagi sesi petang.

Keramaian kemasukan pelajar-pelajar Darjah Pra pada tahun ini seluruh negara seramai 5,764 orang iaitu bagi Daerah Brunei dan Muara seramai 4,117 orang iaitu 2,116 lelaki dan 2,001 perempuan, bagi Daerah Tutong seramai 614 orang iaitu 313 lelaki dan 301 perempuan, manakala di Daerah Belait seramai 882 orang iaitu 475 lelaki dan 407 perempuan serta Daerah Temburong seramai 151 orang iaitu 82 lelaki dan 69 perempuan.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama meninjau lebih dekat pengajian ugama di sekolah berkenaan.

Suntik semangat pelajar capai kejayaan

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

KUALA BELAIT, Rabu, 4 Januari. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman meneruskan siri lawatannya ke Sekolah Arab Belait.

Tinjauan ke Sekolah Arab Belait tersebut bagi menzahirkan keprihatinan dan sokongan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) atas usaha-usaha Jabatan Pengajian Islam dan pimpinan sekolah-sekolah Arab di daerah-daerah terhadap segala persiapan penilaian strategi dan sasaran pihak sekolah dalam mengekalkan dan meningkatkan lagi trek rekod pencapaian cemerlang sekolah dalam peperiksaan-peperiksaan khasnya Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR).

Ketibaan Yang Berhormat dan rombongan dialu-alukan oleh Guru Besar Sekolah Arab Belait, Dayang Hajah Noramalina binti Haji Mohd. Ali serta guru-guru dan kakitangan sekolah berkenaan.

Yang Berhormat berkesempatan

menyaksikan kaedah pengajaran dan program-program yang dilaksanakan oleh pihak sekolah seperti pembelajaran secara kreatif dan imaginasi dalam penyelesaian soalan Matematik yang berunsurkan aplikasi (*creative learning in solving Maths problem*), kuiz dan uji coba secara berkelompok dengan pembelajaran sains, dan juga kaedah pembinaan ayat bahasa Arab.

Yang Berhormat juga berkesempatan mendengarkan taklimat bertajuk 'Plan Perkembangan Sekolah Bagi Tahun 2017' yang disampaikan oleh Guru Besar Sekolah Arab Belait.

Ketika ditemui Pelita Brunei, Dayang Hajah Noramalina menerangkan mengenai misi serta visi sekolah berkenaan dalam melahirkan pelajar-pelajar cemerlang duniawi mahupun ukhrawi yang dijalankan dengan seimbang mengikut jadual-jadual yang diatur terlebih awal sebelum menghadapi setiap peperiksaan penggal dengan mengadakan kelas-kelas tambahan pada setiap hari Jumaat atau hari-hari



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman (dua, kanan) berkesempatan menyaksikan kaedah pengajaran dan pembelajaran sains di dalam kelas yang dilaksanakan oleh pihak Sekolah Arab Belait.

kelepasan awam dan akan dijalankan secara intensif semasa penggal akhir.

Sementara itu, Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Ajjiah bin Haji Mokhtal menjelaskan mengenai lanjutan pengajian pelajar-pelajar sekolah-sekolah Arab yang mana mereka akan melanjutkan pengajian tertinggi di Mesir, Jordan, United Kingdom atau Malaysia mengikut bidang-bidang tertentu.

Selain itu, beberapa skim biasiswa bagi pelajar cemerlang juga ditawarkan ke universiti-universiti tempatan.

Pelajar-pelajar aliran Arab sejauh ini bukan sahaja mampu melahirkan pelajar-pelajar menjurus dalam bidang agama sahaja malahan juga ada yang berkhidmat dalam bidang Perundangan Sivil atau Perundangan Islam dan berkhidmat di Pejabat Peguam Negara atau di Jabatan Kehakiman Negara.

"Dengan adanya kunjungan Yang Berhormat dan rombongan ke Sekolah Arab Belait dalam melaksanakan dan memantau sesi persekolahan adalah merupakan tanda keprihatinan dan sokongan bagi kemajuan sekolah-

sekolah aliran Arab selain menyuntik semangat pelajar-pelajar untuk lebih berusaha dalam mencapai kejayaan," tambahnya.

Berbagai-bagai usaha telah diungkayahkan oleh pihak KHEU bagi memastikan kemajuan serta peningkatan keputusan Peperiksaan PSR dengan membuat beberapa strategi persiapan dan persediaan

yang dihasrat bagi memperolehi keputusan 100 peratus cemerlang.

Turut menyertai lawatan tersebut, Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof dan Pengarah Pentadbiran KHEU, Awang Haji Zulkifli bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyaksikan pembelajaran secara kreatif dan imaginasi dalam penyelesaian soalan Matematik.



PEMANGKU Pengarah Pengajian Islam, Dayang Ajjiah binti Haji Mokhtal (kiri) dan Guru Besar Sekolah Arab Belait, Dayang Hajah Noramalina binti Haji Mohd Ali (kanan) ketika ditemu bual.

Majlis Tahlil sempena Sambutan Hari Polis Ke-96



PESURUHJAYA Polis Negara Brunei Darussalam, Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam semasa mengepalai Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) dalam Majlis bertahlil di Kubah Makam Diraja bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit sempena Sambutan Hari Polis Ke-96 tahun 2017.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Januari. - Sempena memperingati Sambutan Ke-96 Penubuhan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Bertahlil dan Doa Arwah telah diadakan di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

Majlis tersebut adalah bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam.

Juga hadir, Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, Awang Mohammad

Irwan bin Haji Hambali serta para anggota PDB.

Bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Arwah dipimpin oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis, Sarjan Mejar Pengiran Haji Ludin bin Pengiran Haji Matahir.

Lebih 300 anggota polis terdiri daripada pengarah-pengarah, timbalan pengarah, pegawai-pegawai pemerintah, pegawai-pegawai kanan polis serta ahli-ahli pangkat rendah hadir pada majlis berkenaan.

Kemuncak acara Sambutan Hari Polis tahun ini ialah Majlis Perbarisan Hari Polis Ke-96 di samping acara-acara lain.

Brunei - Perancis kukuhkan hubungan dalam pelbagai bidang



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong (tiga, kiri) bergambar ramai bersama delegasi daripada 'France-South-East Asia Interparliamentary Friendship Group of France Senate'.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Januari. - Delegasi daripada 'France-South-East Asia Interparliamentary Friendship Group of France Senate' yang sedang dalam lawatan dua hari ke Brunei Darussalam telah diraikan dalam Majlis Resepsi yang berlangsung di kediaman Duta Republik Perancis ke Negara Brunei Darussalam, di ibu negara.

Hadir pada Majlis Resepsi itu ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Delegasi berkenaan terdiri daripada empat orang senator yang diketuai oleh Presiden 'France-South-East Asia Interparliamentary Friendship Group', Gerard Miquel; Timbalan Presiden Thailand, Bernard Saugey; Timbalan Presiden Brunei Darussalam, Jean-Claude Lenoir dan juga Timbalan Presiden Filipina, Simon Sutour dengan diiringi oleh Setiausaha Eksekutif kumpulan berkenaan, Anne-Laure Saint-Dizier.

Gerard Miquel semasa ditemui oleh media berkata semasa lawatan itu, mereka telah berpeluang untuk

membuat kunjungan hormat kepada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan juga ke Kementerian Pendidikan.

Kunjungan ke Brunei, jelasnya, bertujuan untuk memperkukuhkan lagi hubungan dua hala di antara Perancis dan Brunei dalam sama-sama mempelajari perbezaan budaya, tradisi, bahasa di antara kedua-dua buah negara.

Di samping itu, lawatan juga

**Berita dan Foto :
Ihsan Media Permata**

mengongsikan kepentingan bersama Perancis dan Brunei dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, ekonomi, diplomasi, sektor minyak dan gas dan sebagainya.

Beliau juga melahirkan perasaan gembira dan setinggi-tinggi penghargaan kepada masyarakat Brunei yang telah memberikan layanan terbaik kepada pihak delegasi yang julung-julung kalinya berkunjung ke negara ini.

Penyebaran maklumat Tarian Singa / Naga ditegah tidak betul

Dari muka 1

Di pekarangan kawasan rumah-rumah kediaman ahli-ahli jawatankuasa pengelola sekolah, penasihat-penasihat dan orang-orang terkenal dalam Masyarakat Cina tanpa terbuka.

Di kawasan tokong-tokong (Tepikong) secara tertutup dan di dewan-dewan sekolah atau dewan tertutup persatuan berkenaan.

Pertunjukan Tarian Singa / Naga tersebut hendaklah bukan berupa pesta dan tidak boleh diadakan di hotel-hotel, restoran-restoran, kedai-kedai, gedung-gedung perniagaan dan termasuklah di jalan-jalan raya.

Dalam hubungan ini juga Bahagian Pengawalan Hiburan Awam dan Penerbitan, KHEDN telah menerima sebanyak lima (5) permohonan bagi persembahan Tarian Singa / Naga bagi Sambutan Tahun Baharu Cina 2017. Kesemua permohonan telah dibenarkan mengikut persyaratan yang berkuat kuasa pada masa ini. Dari itu, mana-mana persatuan atau sekolah atau badan yang hendak membuat permohonan atau pertanyaan lanjut bolehlah datang atau menghumbungi:-

Ketua Unit Pengawalan Hiburan Awam dan Penerbitan

Bahagian Pengawalan Hiburan Awam dan Penerbitan

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Bandar Seri Begawan

Negara Brunei Darussalam

Telefon No : - +673 2223225 ext 332/333/334/335/327/330

E-mel : norbanun.karim@moha.gov.bn

Lampu isyarat beri manfaat semua pihak

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



AWANG Haji Ali bin Mohammad Salip bekerja di Restoran KK Koya dan Anak-Anak gembira pelanggan mula beransur-ansur ramai dari hari-hari sebelumnya.

TUTONG, Jumaat, 6 Januari. - Beroperasinya lampu isyarat di persimpangan Lebuhraya Telisai - Lumut / Jalan Telisai bagi meningkatkan lagi tahap keselamatan jalan raya di kawasan berkenaan.

Pembukaannya sejak 4 Januari lalu itu juga mempertingkatkan kawalan peredaran lalu lintas yang lebih efisien dan bersestematik.

Perkara tersebut juga dirasakan oleh para pengguna jalan raya serta para penduduk di sekitar kawasan itu gembira dengan adanya kemudahan dalam mengutamakan keselamatan orang ramai.

Langkah yang dibuat itu dipersetujui oleh salah seorang penduduk Kampung Telisai, Awang Haji Ali bin Mohammad Salip, semasa ditemui berkata, inisiatif itu memudahkan para pengguna jalan raya dan tidak perlu lagi 'U-Turn' seperti sebelumnya apabila menuju balik ke Kampung Telisai.

Warga emas berusia 60 tahun yang bekerja di Restoran KK Koya dan Anak-Anak itu seterusnya berkata, sejak pembukaan lampu isyarat di persimpangan Lebuhraya Telisai - Lumut / Jalan Telisai itu mula beroperasi perniagaan di restoran itu kini bertambah baik dengan kehadiran pelanggan lebih ramai daripada sebelumnya.

Begitu juga dengan peniaga buah seкои (tembikai) yang telah diusahakannya sejak tahun 2015 lalu itu mengakui, kini gerainya mula dikerumuni oleh kedatangan para pelanggannya.

Dayang Rosiah binti Haji Duraman, 55, dari Kampung Telisai juga berharap para penjaja di gerai kawasan berkenaan akan kembali berniaga seperti sedia kala di gerai masing-masing kerana hampir ke semua tapak gerai di situ kosong akibat berpindah ke tempat lain sebelum ini.

Dalam pada itu, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan dalam siaran akhbar pada tarikh 3 Januari 2017, mengingatkan kepada semua pengguna-pengguna jalan raya terbabit untuk memandu dengan lebih berhati-hati di samping mematuhi tanda-tanda lalu lintas demi



DENGAN adanya lampu isyarat di persimpangan Lebuhraya Telisai - Lumut / Jalan Telisai para pengguna jalan raya diharapkan akan lebih berhati-hati, di samping mematuhi tanda-tanda lalu lintas di jalan raya demi keselamatan dan kesejahteraan bersama.

mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku.

Di samping itu juga, para pengguna jalan raya dinasihatkan untuk sentiasa mengamalkan sikap bertolak ansur sesama pengguna jalan raya yang lain demi keselamatan dan kesejahteraan bersama.

Sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak jabatan tersebut melalui talian Darussalam: 123 / Livechat +673 8333123, Facebook : *Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam* dan e-mel : pro@pwd.gov.bn.

DAYANG Rosiah binti Haji Duraman bersama suami merupakan penjual tembikai di Gerai Telisai sejak tahun 2015.



Anggota PDB disaran perkuatkan iman



IMAM Masjid Mohammed Bolkih, Awang Haji Muslim bin Haji Abdul Razak semasa menyampaikan Khutbah Jumaat.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 6 Januari. - Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana nikmat keamanan dan kemakmuran sentiasa terpelihara dan terjamin dengan tertubuhnya pasukan-pasukan keselamatan seperti Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB).

PDB yang telah lama ditubuhkan sememangnya banyak mengecapi pelbagai cabaran, kejayaan dan kecemerlangan dalam menyampaikan mutu perkhidmatan yang berkualiti sesuai dengan usia penubuhannya yang mencapai ke-96 tahun pada tahun ini.

Perkara ini dihuraikan dalam

Khutbah Jumaat hari ini di Masjid Mohammed Bolkih, Kampung Serusop, di sini.

Semasa menyampaikan Khutbah Jumaat, imam masjid berkenaan, Awang Haji Muslim bin Haji Abdul Razak juga menjelaskan bahawa, kerjaya sebagai seorang anggota pasukan keselamatan ini merupakan satu kerjaya yang sangat mulia di sisi ugama dan sebagai anggota polis hendaklah memperkuatkan iman kerana dengan iman yang kuat saja dapat memupuk dan membudayakan nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan dan tugas seharian seperti bersifat jujur, amanah dan ikhlas semata-mata kerana Allah Subhanahu

Wata'ala.

Jelasnya, Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, memberi amaran kepada sesiapa yang tidak menunaikan amanah seperti mana dalam sebuah hadis Baginda dari Abu Hurairah Radiallahuanhu yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari yang bermaksud, "Apabila amanah sudah disia-siakan maka tunggulah kehancurannya."

Khutbah Jumaat juga turut menegaskan bahawa, khidmat bantuan PDB kepada masyarakat hendaklah diberikan secara profesional, adil, dedikasi dan tidak memperdayakan orang lain demi kepentingan diri sendiri serta tidak menggunakan kuasa dengan sewenang-wenangnya seperti melakukan rasuah, penyelewengan, penipuan dan sebagainya.

"Perlu diingat bahawa kuasa dan tanggungjawab yang diberikan adalah merupakan satu amanah yang tidak boleh disalahgunakan. Kerjasama untuk menjaga dan menamai imej dan kredibiliti pasukan polis demi maruah negara bangsa dan rakyat," ujarnya.

Khutbah Jumaat turut mengingatkan bahawa, umat Islam hendaklah sedar dalam setiap kegiatan dalam dunia ini akan dihitung di akhirat nanti sesuai firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Muddatstisr, ayat 38 yang bermaksud, "Tiap-tiap diri terikat, tidak terlepas daripada (balasan buruk) dari amal jahat yang dilakukannya."

Dengan adanya pasukan polis yang amanah dan sentiasa bekerja keras secara profesional menjaga keamanan negara, maka masyarakat tidak akan ada sebarang keraguan dan mengharapkan bantuan daripada pasukan polis sebagai benteng keamanan dan kesejahteraan di negara ini.

Brunei setuju bagi pelarasan pengeluaran minyak mentah

Siaran Akhbar : Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 6 Januari. - Negara Brunei Darussalam bersama dengan 10 negara yang tidak bergabung di bawah Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (Organization of the Petroleum Exporting Countries - OPEC), mengambil bahagian dalam Pengisytiharan Kerjasama OPEC / bukan OPEC yang dibuat di Vienna, Austria pada 10 Disember 2016.

Negara Brunei Darussalam telah bersetuju untuk membuat pelarasan sukarela bagi pengeluaran minyak mentah negara bermula dari 1 Januari 2017 bagi enam bulan dan dilanjutkan selama enam bulan lagi, bergantung kepada keadaan dan prospek pasaran semasa.

Negara-negara anggota OPEC telah menyelaraskan pengeluaran 1.2 juta tong sehari di bawah Perjanjian Vienna semasa mengambil bahagian negara-negara bukan OPEC telah komited bagi pelarasan pengeluaran gabungan 0.558.000 tong sehari di bawah Pengisytiharan Kerjasama OPEC / bukan OPEC.

Usaha bersepadu ini bertujuan untuk menstabilkan dan memupuk pasaran minyak global yang lebih mapan. Negara Brunei Darussalam komited untuk memastikan sasaran pengeluaran 2017 adalah selaras dan seimbang dengan sasaran negara-negara pengeluar bukan OPEC lain di bawah deklarasi bersama ini.

Memang tidak dinafikan bahawa tugas menjaga keamanan dan kemakmuran negara merupakan tugas utama PDB dan oleh yang demikian anggota masyarakat hendaklah tidak menyerahkan tanggungjawab tersebut kepada pihak polis sahaja dan hendaklah turut membantu dalam sama-sama mengekalkan keamanan.

Pada akhir khutbah tersebut juga menjelaskan bahawa agama Islam menggalakkan kita untuk hidup saling tolong-menolong dan bantu-membantu ke arah

kebaikan kerana perbuatan demikian boleh menimbulkan perasaan hormat-menghormati dan kasih-mengasihi antara satu sama lain, seperti firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maa'idah, ayat 2 yang bermaksud, "Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan kepada melakukan dosa maksiat. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah amat berat seksa-Nya."

Kita perlu contohi Rasulullah

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Januari. - Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan manusia pilihan dari Allah Subhanahu Wata'ala yang wajib dijadikan contoh

dan teladan kepada kita di dunia dan dibawa ke akhirat.

Untuk mencontohi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, kita diwajibkan melihat Baginda dalam



MAJLIS Ceramah Sempena Maulidur Rasul anjuran WI dimulakan dengan bacaan-bacaan zikir dan selawat.

setiap dunianya seperti dari di atas, di bawah, di belakang dan di hadapan yang mana dari setiap sudut kita tidak dapat melupakan Baginda.

Pegawai Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong menggariskan perkara tersebut dalam tajuk ceramahnya 'Mencontohi Ketinggian Akhlak Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam' Sempena Maulidur Rasul di Jame' 'Asr Hassanil Bolkih, di sini.

Katanya, selaku hamba Allah untuk kita mengaktifkan cinta kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu hendaklah kita memasukkan modal kecintaan itu ke dalam minda kita sendiri dan dengannya kita akan dihisabkan dengan perbuatan, fizikal dan amalan kita seharian.

Selain itu, mencontohi Baginda itu juga melalui dengan memperbanyakkan membaca kitab suci Al-Quran dan berpegang kepada Al-Quran serta membacanya setiap hari kerana Allah Subhanahu Wata'ala akan memberikan ganjaran kepada mereka yang mencontohinya.

Terdahulu, Penasihat Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI), Datin Hajah Masni binti Haji Mohammad Ali menyatakan, Islam memuliakan wanita dan menetapkan beberapa hak



PEGAWAI Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong semasa menyampaikan ceramah.

baginya agar mereka tidak terabai dan teraniaya.

Oleh itu, beliau menyeru ahli-ahli persatuan wanita mengambil keperibadian Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai contoh teladan kehidupan dalam meneruskan perjuangan dalam menyebarkan agama suci Islam.

"Kecintaan terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam akan lebih bermakna jika kitani lebih menghayati



PENASIHAT Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI), Datin Hajah Masni binti Haji Mohammad Ali semasa menyampaikan ucapan.

Sunnah Baginda dengan mencontohi, mempraktikkan dan mengaplikasikannya ke dalam kehidupan seharian," tambahnya.

Jelasnya, ceramah anjuran WI Negara Brunei Darussalam bertujuan untuk sama-sama memperingati kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping mengenang jasa Baginda dalam membawa dan memperjuangkan syiar Islam.

Tanai imej dan kredibiliti pasukan polis

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana negara kita telah menikmati keamanan dan kemakmuran. Bagi memastikan keamanan dan kemakmuran sentiasa terpelihara dan terjamin, sudah setentunya penubuhan pasukan-pasukan keselamatan perlu diwujudkan seperti pasukan tentera, pasukan polis dan sebagainya. Adapun Pasukan Polis Diraja Brunei adalah di antara pasukan keselamatan yang telah lama diwujudkan. Ia mula ditubuhkan pada tahun 1921 Masihi, dan sekarang telah berusia 96 tahun.

Di samping penubuhannya, Pasukan Polis Diraja Brunei telah pun melalui pelbagai perubahan, kejayaan dan kecemerlangan dalam menjaga kestabilan negara serta dapat meningkatkan mutu perkhidmatan yang lebih berkualiti sejajar dengan perkembangan dan peredaran masa.

Sesungguhnya kerjaya sebagai anggota polis adalah satu khidmat yang mulia di sisi agama kerana kerjaya itu adalah satu amalan yang mulia. Oleh itu, sebagai anggota polis hendaklah memperkuat iman kerana hanya dengan iman yang kuat sahaja dapat memupuk dan membudayakan nilai-nilai kerohanian dan keagamaan dalam kehidupan dan tugas-tugas harian seperti bersifat jujur, amanah dan ikhlas



semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memberi amaran kepada sesiapa yang tidak menunaikan amanah, sepertimana dalam sebuah hadis Baginda :

Maksudnya : "Dari Abu Hurairah Radhiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Apabila amanah telah disia-siakan, maka tunggulah kehancuran." (Hadis riwayat Imam Al-Bukhari)

Khidmat bantuan pasukan polis kepada masyarakat hendaklah diberikan dengan profesional, adil dan tidak pilih kasih serta tidak memeralatkan orang lain demi kepentingan diri sendiri. Berkhidmatlah dengan tidak menggunakan kuasa yang diberikan dengan sewenang-wenangnya seperti melakukan rasuah, penyelewengan, penipuan dan sebagainya. Perlu diingat, bahawa kuasa dan tanggungjawab yang diberikan adalah satu amanah yang tidak boleh disalahgunakan. Bekerjasamalah untuk menjaga dan menaani imej dan kredibiliti pasukan polis demi maruah negara, bangsa dan rakyat. Kita hendaklah sedar bahawa setiap kegiatan dan pekerjaan di dunia ini akan dihitung di akhirat nanti. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Muddatstisr, ayat 38 :

Tafsirnya : "Tiap-tiap diri terikat, tidak terlepas daripada balasan buruk bagi amal jahat yang dikerjakannya."

Dengan adanya pasukan polis yang amanah dan sentiasa bekerja keras secara profesional menjaga keamanan negara, maka masyarakat tidak akan ada sebarang keraguan dalam mengharap bantuan daripada pasukan polis sebagai benteng utama keamanan dan kesejahteraan negara ini.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa tugas menjaga keamanan dan kemakmuran negara adalah tugas pasukan polis, akan tetapi kita janganlah menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab tersebut kepada pasukan polis sahaja. Bahkan orang ramai hendaklah memberikan kerjasama dan membantu pihak polis membanteras jenayah dalam mengekalkan keamanan.

Sesungguhnya agama Islam menggalakkan kita supaya hidup saling tolong-menolong dan bantu-membantu ke arah kebaikan kerana

perbuatan demikian boleh menimbulkan perasaan hormat-menghormati dan kasih-mengasihi di antara satu sama lain. Jika sifat demikian wujud di kalangan umat Islam, maka insyaaAllah akan terbinalah kehidupan yang aman damai, sejahtera dan harmoni. Inilah yang kita mahukan dan harapkan, iaitu adanya kerjasama yang erat dan padu serta saling bantu-membantu di antara pasukan polis dan orang ramai. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al Maa-idah, ayat 2 :

Tafsirnya : "Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan, janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah maha berat azab seksanya bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya."

Oleh itu, setiap individu adalah bertanggungjawab dalam mencegah kemungkaran dan menyuruh berbuat kebaikan dalam kehidupan bermasyarakat mengikut kemampuan dan kuasa masing-masing.

Akhirnya, sebagai rakyat dan penduduk yang cintakan negara ini, marilah kita sama-sama berganding bahu dalam menjaga keamanan, keselamatan dan kesejahteraan negara. Sama-samalah kita berdoa semoga negara kita bebas daripada sebarang jenayah, kekal menjadi negara yang aman sejahtera dan sentiasa mendapat perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Yaa Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Saba', ayat 15 :

Tafsirnya : "Negeri kamu ini adalah negeri yang baik aman dan makmur, dan Tuhan kamu adalah Tuhan yang Maha Pengampun."

MWNBBD bantu mangsa kebakaran

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Januari. - Keprihatinan masyarakat pelbagai lapisan di negara ini dalam sama-sama memedulikan kebajikan dan meringankan beban para mangsa yang ditimpa musibah terus

mendapat perhatian. Dalam memupuk sifat berpemedulian itu, Bahagian Kebajikan dan Kemasyarakatan, Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBBD) menghulur-

kan sumbangan kepada mangsa yang dilanda musibah kebakaran di Kampung Kapok awal Disember lalu.

Hadir menyampaikan bantuan di Stadium Restaurant, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini ialah Naib Yang Dipertua I MWNBBD, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matarsat.

Bantuan berupa sumbangan ikhlas daripada para Ahli MWNBBD serta persatuan-persatuan yang bernaung di bawahnya tersebut dihulurkan kepada Yang Di-Pertua Persatuan Nur Islam, salah sebuah persatuan yang bernaung di bawah MWNBBD, Dayang Hajah Siti Sharpinah binti Abdullah.

Tragedi yang berlaku 7 Disember

lalu itu meranapkan kediaman yang didiaminya selama lebih 20 tahun dan dihuni bersama lima anak dan cucu-cucunya.

"Saya sangat bersyukur dan menghargai atas ingatan dan bantuan yang dihulurkan oleh MWNBBD dan saya berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan membalas jasa mereka," ujarnya sambil terharu semasa ditemui oleh Pelita Brunei.

Menurutnya, bantuan-bantuan turut diterima daripada agensi-agensinya kerajaan seperti Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Majlis Ugama Islam Brunei yang berupa barang keperluan seharian dan bantuan kewangan di samping turut menerima sumbangan dari orang perseorangan.

Majlis turut dihadiri oleh Naib Yang Dipertua II, Datin Paduka Dayang Hajah Masni bin Haji Mohd Ali dan Naib Yang Dipertua III, Dayang Hajah Kertini binti Orang Kaya Paduka Setia Diraja Abang Haji Abu Hanifah serta ahli-ahli MWNBBD lainnya.

Majlis penyerahan bantuan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Keagamaan Wanita Negara Brunei Darussalam, Pengiran Hajah Rokiah binti Pengiran Haji Abu Bakar.



NAIB Yang Dipertua I Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matarsat (lima, kanan) menyampaikan sumbangan derma kepada Dayang Hajah Siti Sharpinah binti Abdullah.

٥٠ تاهون ككل قرار ممرينته داتس تختا

50 TAHUN KEKAL KARAR MEMERINTAH DI ATAS TAKHTA

Keberangkatan Kebawah DYMM

ke daerah-daerah selepas Istiadat Berpuspa

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan Sultan Brunei Ke-29 yang tercatat dalam Salasilah Raja-Raja Brunei. Baginda merupakan putera sulung pasangan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien III dengan permaisuri, Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Baginda dilahirkan pada 15 Julai 1946 bertempat di Istana Darussalam, Bandar Brunei (Bandar Seri Begawan) dan diputerakan sebagai Duli Pengiran Muda Mahkota Kesultanan Brunei Darussalam pada 14 Ogos 1961, manakala enam tahun setelah baginda diputerakan, pada 5 Oktober 1967, baginda ditabalkan menjadi Sultan Brunei bergelar Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Sebagai seorang pemerintah negara yang berkaliiber, baginda merupakan seorang raja yang begitu pemeduli, prihatin, pengasih serta sayang kepada rakyat dan penduduk baginda di Negara Brunei Darussalam bumi bertuah ini. Penglibatan baginda turun padang bersama rakyat jelata memang sudah tidak dapat disangkal lagi bahkan ia sering menjadi saat yang dinanti-nantikan oleh seluruh rakyat dan penduduk di negara kita. Ini adalah suatu penzahiran hubungan rapat rakyat dan institusi kesultanan. Sekali gus selari dengan ungkapan, 'Raja dan rakyat berpisah tiada' yang lazim kita dengar selama ini.

Sejak Kebawah Duli Yang Maha Mulia diangkat menjadi Sultan Brunei Ke-29, baginda mula aktif menjalankan tugas baginda selaku peneraju takhta ayahanda baginda dan buat pertama kalinya juga sejak baginda menjadi Sultan Ke-29, baginda juga telah berkenan bercemar duli bersama rakyat baginda ke daerah-daerah di negara ini.

Semasa baginda berangkat ke Daerah Tutong untuk pertama kalinya secara rasmi semenjak baginda menaiki takhta kerajaan pada bulan Oktober 1967 baginda juga telah berkenan bertitah melahirkan rasa terhutang budi baginda kepada penduduk-penduduk di Daerah Tutong kerana mengadakan sambutan yang meriah bagi meraikan keberangkatan baginda ke daerah tersebut.

Dalam titah baginda menjelaskan bahawa dengan adanya sambutan yang meriah itu, baginda dapat memahami bahawa penduduk di Daerah Tutong mempunyai semangat laila berjiwa saling mengerti dalam laila sifat bergotong-royong atau bersatu padu ke arah kebajikan.

Baginda juga bertitah di mana pada setiap rakyat yang cintakan keamanan dan ketenteraman dan sukakan hidup bahagia hendaklah



mengekalkan nama baik Brunei Darussalam dan sifat serupa ini adalah pendorong atau penegak cita-cita laila kemajuan ke arah kemakmuran dalam segala lapangan dengan sedaya upaya yang boleh dan moga-moga dengan kemurnian sifat-sifat ini nanti kejayaan dan kebahagiaan rakyat dan Negara Brunei Darussalam akan kekal dalam keadaan aman tenteram dan penuh dengan kemakmuran serta membuahkan hasil bahagia.

Kepada penduduk Daerah Tutong, baginda juga mengucapkan terima kasih kerana mengadakan sambutan yang meriah untuk baginda dan baginda juga berdoa semoga negara ini kekal terpelihara dari malapetaka dan sentiasa dalam keadaan aman, makmur dan rakyat dalamnya amanah, jujur serta rajin menuntut ilmu pengetahuan.

Manakala semasa berkenan berangkat ke Daerah Belait buat pertama kalinya juga selepas baginda dipuspakan, baginda turut bertitah melahirkan rasa terharu baginda di atas sambutan-sambutan yang begitu meriah yang diadakan dan seterusnya menekankan bahawa dari hati yang suci lagi bersih dan hening lagi jernih baginda melafazkan ucapan terima kasih dan akan tetap menjadi kenangan baginda buat selama-lamanya.

Sebagaimana kandungan titah baginda:

"Laila kesudian yang sedemikian akan tetap menjadi ingatan kepada beta dan akan sentiasa tersemat di sanubari beta buat selama-

lamanya."

Seterusnya baginda bertitah:

"Dengan penuh keikhlasan, beta percaya usaha dan tenaga yang dicurahkan sudah tentu akan mencerminkan inisiatif dan tenaga serta usaha beta sendiri demi membawa kebajikan laila ketenteraman, laila subur, keamanan serta kebahagiaan untuk negara beta Brunei Darussalam yang mengandungi rakyat penduduk yang berjenis-jenis di dalamnya."

Dalam titah baginda semasa berkenan berangkat ke Daerah Belait juga menyatakan kegembiraan baginda yang bukan kepalang melihat rakyat baginda baik yang muda mahupun yang tua, miskin dan kaya berselubungkan keharmonian dan di mana-mana saja senyum manis sentiasa diuraikan kerana Istiadat Kepuspaan baginda itu.

"Mudah-mudahan kegembiraan dan kesetiaan serta ketaatan terbukti laila rakyat beta yang dikasih oleh laila percaya dengan izin Allah buat selama-lamanya zaman-berzaman serta harum semerbak yang akan menjadi pujian kepada negara yang baik di dunia ini dan juga pada menyerikan nama baik pancir keturunan bahawa rakyat Negeri Brunei mempunyai bertegur sapa laila bertata bahasa dan laila berbudi pekerti yang masih nyata berkesan sebagai kata orang tua-tua laila mengenang dan ingatkan jasa baik itu akan dapat menaburkan jasa," titah baginda.

Sementara itu, semasa keberangkatan pertama kali baginda

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Jabatan Penerangan

ke Daerah Temburong, baginda bertitah, Brunei yang dahulunya dikenali sebagai sebuah negeri yang dipenuhi dengan rimba belukar, kini telah menjadi sebuah bandar yang indah.

Baginda juga menyebut bagaimana Negeri Brunei pada satu ketika dahulu dalam keadaan miskin dan bersandarkan kepada keadaan meminjam, tetapi kini dikenali sebagai sebuah negara yang kaya-raya.

"Negeri Brunei yang kita kasih ini pada mulanya miskin dan meminjam, sekarang dan masa ini menjadi sebuah negeri yang mewah sekali dan banyak memberikan pinjaman kepada negeri-negeri yang difikirkan baik dalam lingkungan Commonwealth," titah baginda.

Perkembangan - perkembangan yang pesat itu berlaku, titah baginda, adalah dari hasrat hati yang rajin dan tabah menuntut ilmu pengetahuan dan wujudnya perpaduan dan persefahaman dalam kalangan rakyat negeri ini.

Baginda juga turut menyentuh mengenai dengan Sambutan Kepuspaan yang diadakan di daerah itu di mana baginda menyifatkan sambutan itu sebagai satu penghormatan yang tinggi nilainya dan semua itu baginda yakin adalah hasil dari tenaga

rakyat yang berpenat lelah.

"Beta berdoa semoga budi baik rakyat beta sekalian akan digandakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala," titah baginda.

Mengenai sambutan-sambutan yang diadakan di seluruh negeri baginda bertitah :

"Sambutan dan sanjuran rakyat beta di seluruh negara benar-benar menggalakkan dan benar-benar dapat mencerminkan kesetiaan rakyat beta."

Baginda selanjutnya bertitah bahawa suasana gembira dan harmonis ini beta yakin menandakan bermulanya satu lembaran sejarah hidup baru bagi kita semua dalam erti kata Darussalam seluas-luasnya iaitu aman, tenteram dan sejahtera.

Bertitah mengenai kepentingan penduduk-penduduk Daerah Temburong pula, baginda menyeru kepada penduduk Daerah Temburong supaya menyahut dan menyokong kerajaan dalam usaha perkembangan dan pembinaan yang manfaat untuk kebahagiaan daerah itu dan negara.

Baginda yakin bahawa amalan-amalan menyambut baik rancangan-rancangan kerajaan itu adalah menjadi asas untuk menuju ke arah kebajikan, kesentosaan dan ketenteraman dan seterusnya untuk kebahagiaan Brunei Darussalam.

Ingin jadi pengeluar utama biskut, kek tempatan HKH Fast Food utamakan makanan sihat

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Ihsan MOKAM Blogspot

SEMAKIN ramai golongan wanita kitani kini bergiat aktif dan menceburi bidang keusahawanan dan bilangan mereka yang memiliki bisnes sendiri juga semakin bertambah. Perusahaan yang mereka jalankan setentunya sedikit sebanyak telah membantu pertumbuhan ekonomi negara. Salah seorang wanita yang bergiat aktif dalam bidang keusahawanan di negara ini ialah Dayang Hajah Kamariah binti Hasbullah. Beliau memulakan perniagaan dengan kemahiran penyelidikan dan pelan perniagaan dengan mengendalikan Syarikat HKH Fast Food & Takeaway.

Beliau selaku Pengarah Urusan syarikat berkenaan menjelaskan syarikatnya ditubuhkan dengan visi untuk mewujudkan usaha perniagaan yang berjaya dan berdaya saing dalam mempromosikan biskut-biskut tempatan dan kek sebagai produk utama dengan misi untuk menjadikan HKH sebagai pengeluar utama biskut dan kek tempatan bagi pasaran tempatan dan eksport. Syarikat ini katanya lagi, juga berpegang teguh pada objektif penubuhannya, iaitu untuk mewujudkan perniagaan yang boleh dinikmati pengguna dan menjual biskut-

biskut dan kek beku.

SEJARAH PENUBUHAN SYARIKAT

HKH merupakan sebuah syarikat milik tempatan yang ditubuhkan pada tahun 1998 dengan memberikan perkhidmatan makanan segera dan bawa pulang (*take away*). Lima tahun setelah penubuhannya, syarikat yang mempunyai slogan: 'Makanan Sihat Untuk Kehidupan Yang Sihat' (*Healthy Food For Healthy Life*) mengeluarkan produk makanan kering tempatan seperti biskut dan kek beku. Syarikat yang mendapat pengiktirafan Halal pada 31 Mac 2015 itu kini semakin mendapat tempat di hati penggemar produk-produk makanan tempatan dan mendapat maklum balas yang memberangsangkan daripada para pengguna.

Pada tahun 2000, beliau menyertai Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di negara ini dan mendaftarkan syarikatnya di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) sebagai ahli Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Bagi meningkatkan pengetahuannya dalam bidang keusahawanan, Dayang Hajah Kamariah tidak melepaskan

peluang untuk menghadiri perjumpaan-perjumpaan dengan para pegawai dari KPSSU dan pengusaha-pengusaha lainnya untuk berkongsi pengetahuan akan selok-belok keusahawanan.

GAMBARAN KESELURUHAN SYARIKAT

HKH Fast Food & Takeaway memasarkan produknya di bawah jenama 'MOKAM'. Produk-produk ini dibungkus rapi dalam bekas-bekas dan kotak yang direka anggun dalam pelbagai saiz, bersesuaian dengan keperluan pelanggan dan telah melakukan analisis makanan melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, KPSSU. HKH Fast Food & Takeaway adalah salah sebuah daripada ahli-ahli PKS yang terpilih untuk kilang pemrosesan makanan berskala besar di Inkubator Industri Makanan bagi PKS Agrimakanan Kilanas.

MOKAM menerima pesanan untuk apa jua majlis seperti Hari Raya, Krismas, Tahun Baharu Cina, majlis perkahwinan, parti hari jadi dan majlis-majlis lainnya. Syarikat ini juga akan mengurus dan membuat hiasan mengikut pilihan pelanggan-pelanggannya. Demi kejayaan syarikat tersebut, mereka telah membuat strategi untuk mempromosikan produk mereka sama ada melalui media sosial, *banner*, kad bisnes ataupun promosi jualan.

Bagi memudahkan para pengguna untuk mendapatkan biskut-biskut dan kek-kek beku keluaran syarikat ini, produk-produk di bawah jenama MOKAM telah dibekalkan ke beberapa buah gedung perniagaan di negara ini seperti Hua Ho Department Store, Teguh Raya Department Store, Sim Kim Huat Trading Co. Sdn. Bhd.

Memandangkan syarikat beliau berdaftar dengan KPSSU dan



SYARIKAT HKH Fast Food & Takeaway memasarkan produknya di bawah jenama 'MOKAM'.

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, maka syarikatnya sering kali diundang untuk menyertai ekspo-ekspo di luar negara seperti Jepun, Oman, China, Thailand, Filipina, Indonesia Malaysia juga melalui KPSSU. Dengan menyertai pameran-pameran tersebut, beliau berpeluang memperolehi banyak pengalaman dan dapat menimba pengetahuan mengenai keusahawanan dari pengusaha-pengusaha dari pelbagai negara.

PENCAPAIAN

Sejak penubuhannya syarikat berkenaan telah membuat beberapa pencapaian antaranya merancang dan mengarahkan semua fungsi kemahiran kepimpinan syarikat untuk memastikan penggunaan sumber korporat yang cekap dan berkesan. Di bawah kepimpinan Dayang Hajah Kamariah juga syarikat tersebut berjaya mewujudkan dan menyepadukan strategi fungsi syarikat menggunakan kepakaran perniagaan untuk mencapai matlamat kewangan / operasi dan objektif, di samping menempatkan sumber-sumber untuk mencapai ramalan kewangan dan objektif perniagaan. Syarikat itu juga telah mencatat kejayaan dalam membimbing dan mengarah HKH Fast Food & Takeaway melalui pengurusan perubahan yang besar, mengimbangi penglibatan dengan kepimpinan strategik yang kukuh dan berkesan. Dayang Hajah Kamariah juga telah memajukan pelan-pelan jualan dan pemasaran dan program-program untuk kakitangan jualan syarikat serta menganalisa trend pasaran dan statistik untuk menentukan potensi prestasi pertumbuhan jualan

yang dipantau secara tetap.

KESIMPULAN

Penggunaan bahan-bahan yang menyihatkan, saluran pengedaran yang baik, strategi pemasaran dan promosi yang hebat merupakan sebahagian daripada penyebab yang membawa kepada kejayaan perusahaan Dayang Hajah Kamariah hingga mendapat tempat di hati pengguna dari dalam mahupun luar negara. Dengan memberi tumpuan kepada pelanggan yang inginkan biskut-biskut berkualiti dan lazat dengan harga yang lebih rendah serta tahu helah untuk mendapatkan pelanggan, setentunya kejayaan Dayang Hajah Kamariah ini boleh menjadi sumber inspirasi dan seterusnya boleh dijadikan *role model* kepada pengusaha-pengusaha yang baru menceburi bidang keusahawanan.



PENGARAH Urusan Syarikat HKH Fast Food & Takeaway, Dayang Hajah Kamariah binti Hasbullah.



SEBAHAGIAN daripada produk keluaran Syarikat HKH Fast Food & Takeaway yang mendapat sambutan daripada penggemar biskut.



SYARIKAT HKH Fast Food & Takeaway seringkali diundang menyertai ekspo-ekspo baik di dalam dan luar negara.

Murid-murid gembira kembali ke sekolah

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

MUKIM LUMUT, Rabu, 4 Januari. - Setelah bercuti lebih sebulan, seluruh sekolah di negara ini kembali riuh oleh murid-murid gembira bertemu semula rakan-rakan untuk memulakan penggal persekolahan pertama tahun 2017.

Tinjauan Pelita Brunei ke Sekolah Rendah Sungai Tali baru-baru ini menyaksikan pelbagai kerenah dan perasaan kanak-kanak, gembira

dan teruja dengan suasana sekolah sambil berpakaian serba baharu, bertemu kembali kawan-kawan dan tidak ketinggalan menyaksikan gelagat sibuk guru-guru yang mengajar murid-murid di Kelas Pra.

Pelita Brunei berkesempatan menemu bual pelajar Tahun 2B, Dayang Norfatimah binti Abdullah Mohd. Yassin ketika duduk menikmati waktu rehat bersama



DAYANG Hajah Mastura binti Haji Bakar ketika melawat anaknya, Awang Mohd. Syazwey bin Muhd. Salleh (atas). Sementara gambar kanan, antara ibu bapa dan penjaga murid bersama anak-anak yang baru memulakan persekolahan.



DAYANG Norfatimah binti Abdullah Mohd. Yassin (dua, kiri), murid Tahun 2B semasa ditemani kawan-kawannya.

kawan-kawannya melahirkan rasa gembira memulakan persekolahan sambil memberitahu yang beliau suka mata pelajaran Matematik dan bercita-cita menjadi doktor gigi.

Sementara itu, salah seorang ibu, Dayang Hajah Mastura binti Haji Bakar ketika melawat anaknya Awang Mohd. Syazwey bin Muhd. Salleh berkata, sebelum memulakan persekolahan

beliau telah membuat persediaan awal sebelum menjelang buka sekolah.

"Bukan mudah untuk menguruskan anak lelaki yang penting mereka memahami objektif sebenar untuk pergi ke sekolah," ujarnya.

Selaku ibu bapa, mereka perlu faham mengapa anak-anak harus diberi pendidikan akademik dan menguruskan pembelajaran serta

kehidupan sosial anak-anak baik di rumah mahupun di sekolah.

Sementara itu, Guru Besar Sekolah Rendah Sungai Tali bersama guru-gurunya melahirkan harapan agar akademik tahun 2017 akan membawakan kecemerlangan terhadap pembelajaran pelajar-pelajar dan akan dapat menghasilkan kualiti pembelajaran yang lebih cemerlang.



GURU Besar Sekolah Rendah Sungai Tali bersama guru-gurunya melahirkan harapan agar akademik tahun 2017 ini nanti akan membawa kecemerlangan kepada murid-murid dan akan mendapat menghasilkan kualiti pembelajaran yang lebih cemerlang.

Ujian 'Tasmie' Menghafaz Al-Quran bermula Februari

Siaran Akhbar :
Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Januari. - Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), selaku Urusetia Lembaga Tasmie' Menghafaz Al-Quran akan mengadakan Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Quran Pusingan Pertama Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi bermula pada bulan Februari 2017 yang dibukakan kepada penerima-penerima elaan sahaja.

Menurut Siaran Akhbar KHEU, borang permohonan boleh diperolehi di Pejabat Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS yang beralamat di Blok 2, Tingkat 8, Bangunan Kondominium Ong Sum Ping (Bangunan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiyah Perempuan) Jalan Ong Sum Ping atau boleh dimuat turun melalui Weblog : www.ppq-mabims.blogspot.com.

Tarikh tutup permohonan / penghantaran borang adalah pada hari Khamis, 21 Rabiulakhir 1438H bersamaan 19 Januari 2017M.

Penghantaran borang adalah semasa waktu pejabat dan tidak lewat pada pukul 4.00 petang.

Untuk keterangan lanjut mengenainya bolehlah menghubungi Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS melalui talian +673 2223365 / +673 2233364 / +673 2237512.

Program Keusahawanan Perbadanan TAIB sokong kerajaan



PEMANGKU Pengarah Urusan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Awang Maswadi bin Mohsin ketika menyampaikan ucapan pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Januari. - Seramai 54 peserta mengikuti Program Keusahawanan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) bersempena memperingati Ulang Tahun Program



DAYANG Amallina Jehan binti Ahmad, pemenang Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA) semasa ditemu bual.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad

Keusahawanan TAIB Ke-25. Sehubungan itu, majlis pelancarannya disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Urusan TAIB, Awang Maswadi bin Mohsin bertempat di Bangunan Design dan Technology, di sini. Awang Maswadi dalam ucapannya antara lain berharap para peserta akan dapat mempelajari dan berbincang dalam kalangan para peserta dan pembentang bagaimana untuk melangkah ke hadapan dan membawa syarikat-syarikat mereka pada jangka masa lima ke 10 tahun akan datang.

Program yang ditaja sepenuhnya oleh TAIB itu mempunyai inisiatif untuk menyokong pihak kerajaan dalam Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) ke arah mencapai visi Wawasan 2035.

Pada acara tersebut, dimuatkan dengan bootcamp yang mengetengahkan kertas cadangan perniagaan dan Bengkel Pitching yang akan diadakan 4 hingga 18 Januari di Bangunan iCentre.

Bootcamp tersebut bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan para peserta dalam pengurusan perniagaan, di samping memastikan mereka bersedia untuk membentangkan idea-idea perniagaan bagi mengembangkan lagi perniagaan tersebut.

Seterusnya, bengkel yang mengandungi pelbagai angka inspirasi yang telah berjaya mengembangkan perniagaan mereka itu diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Eduvo, Vincent Chew.

Selain itu, para peserta juga akan memperoleh manfaat melalui pelbagai bengkel yang lainnya termasuklah dalam 'Financial Planning by Ambrose Nathan (Managing Partner of Biz Advise)', 'Branding by Mohd. Shafique Hussain (CEO of Startup Hub BE)', 'Leadership Workshop by Dr. Mona Kassim (Founder of muBn Learning and Growth Company)' dan 'Pitching and Presentation Workshop by

Stuart Lee (Brunei Speaker Club Representative)'. Bengkel tersebut turut dimuatkan dengan 'Inspiration Day' yang antaranya disampaikan oleh Nilam Sari dari Owner and Marketing Director of Baba Rafi Enterprise, Josan Astrid dari Creative Director of Astrea Software Development dan Shaun Hoon dari penerbit dan penyunting Inspire Magazine.

Salah seorang peserta juga merupakan pemenang Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA), Dayang Amallina Jehan binti Ahmad semasa ditemu bual Pelita Brunei berharap akan dapat mengembangkan lagi pengurusan sistem IQMS.

Sistem IQMS jelasnya, memberi peluang kepada orang ramai untuk menjimatkan masa mereka beratur.



PEMANGKU Pengarah Urusan TAIB, Awang Maswadi semasa melancarkan Program Keusahawanan Perbadanan TAIB sempena memperingati Ulang Tahun Program Keusahawanan TAIB Ke-25.



PEMANGKU Pengarah Urusan TAIB, Awang Maswadi hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.



PEMANGKU Pengarah Urusan TAIB, Awang Maswadi semasa bergambar ramai bersama para peserta yang mengikuti program keusahawanan berkenaan.



JABATAN BANDARAN TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAJUK TAWARAN :
TAWARAN MEMBEKAL DAN MEMASANG KAMERA LITAR TERTUTUP
(CCTV) PASAR MALAM PEKAN TUTONG

BILANGAN TAWARAN : JBT/S/08/2016-2017

TARIKH TUTUP TAWARAN :
RABU, 18 JANUARI 2017, JAM 2.00 PETANG

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup tanpa menunjukkan identiti pengirim.
3. Pada bahagian atas sampul surat berkenaan hendaklah ditulis bilangan tawaran serta tarikh tutup tawaran.
4. Tawaran-tawaran hendaklah juga menyertakan salinan pendaftaran syarikat, salinan sijil perniagaan (*Business Names of Enactment Section 16 and 17* atau *List of Directors*) dan salinan kad pengenalan.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dan dimasukkan ke dalam PETI TAWARAN bertempat di Aras Bawah, Jabatan Bandaran Tutong, Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan, Bukit Bendera, Daerah Tutong dan dialamatkan kepada :

PENGERUSI JAWATANKUASA MENELITI
TAWARAN DAN SEBUT HARGA
JABATAN BANDARAN TUTONG
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

6. Borang tawaran boleh didapati di Kaunter Bahagian Kewangan, Jabatan Bandaran Tutong, Aras Bawah, Jabatan Bandaran Tutong, Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan, Daerah Tutong.
7. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh tutup tawaran tidak akan dilayan.
8. Yuran tawaran sebanyak BND2.00 hendaklah dijelaskan semasa mengambil borang tawaran dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan jika sekiranya syarikat yang turut serta tidak berjaya dalam tawaran tersebut.



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

1. TAWARAN adalah dibukakan kepada kontraktor yang berdaftar dalam Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam (Kelas I, II, III, IV, V dan VI, Sijil Pendaftaran Section 16 dan 17 atau Kategori Elektrikal [E01, M03, KP04, KA01]).
2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo perkhidmatan / pembekal / pemborong (*sealed*) ditulis dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Tajuk Tawaran 1 :
TO SUPPLY AND REPLACEMENT OF
SWEEPER FAN DRIVER COMPONENT
BG 4903

Bilangan Tawaran :
AME/2017-2018/SH-03

Tarikh iklan / mengambil dokumen
tawaran :
Bermula 19 Disember 2016, Isnin,
selama dua (2) minggu.

Tarikh terakhir mengambil dokumen
tawaran :
Tidak lewat jam 2.00 Petang,
7 Februari 2017, Selasa.

Tarikh tutup tawaran pada :
hingga jam 2.00 Petang
8 Februari 2017, Rabu.

Kepada :
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Tingkat Bawah
Bahagian Kewangan
Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Perhubungan
Bandar Seri Begawan, BB2513
Negara Brunei Darussalam.

3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan Penerbangan Awam, tidak lewat jam 2.00 Petang, Rabu, 8 Februari 2017. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman sesawang : <http://www.civilaviation.gov.bn>
5. Kontraktor yang berminat untuk membuat tawaran dikehendaki memperoleh dokumen-dokumen dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Penerbangan Awam dengan membayar yuran tawaran sebanyak BND 10.00 (*hardcopy*) - tidak dikembalikan bagi setiap tawaran dan pembayaran tawaran diterima pada waktu berkerja seperti berikut :

Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
1.45 Petang hingga 3.30 Petang
Sabtu
8.30 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
1.45 Petang hingga 3.30 Petang

6. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

8. Sesi taklimat tawaran (*briefing*) atau / dan lawatan tapak (*site visit*) bagi tawaran akan diadakan seperti berikut :

Pada : 12 Januari 2017 (Khamis)
Jam : 8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi
atau 1.45 Petang hingga 3.30 Petang

Tempat Berkumpul :
Dewan Serbaguna
Bangunan Pengurusan dan
Kejuruteraan Pemeliharaan Aset (AME)
Jabatan Penerbangan Awam.



BAHAGIAN KHIDMAT BAKTI NEGARA (BKBN)
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

BAHAGIAN KHIDMAT BAKTI
NEGARA (BKBN)
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN
BARANG SISTEM PA BAGI
PENGUNAAN DI KEM LATIHAN
PROGRAM KHIDMAT BAKTI
NEGARA (PKBN) BATU APOI,
TEMBURONG

BILANGAN SEBUTHARGA :
4/JANUARI/2017/PKBN/1.40/17

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada Syarikat / Pembekal tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Dokumen sebut harga boleh diperolehi dari Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalamsemasa hari / waktu bekerja.
3. Yuran sebut harga adalah BND10.00 sahaja bagi setiap sebut harga dan tidak akan dikembalikan kepada setiap Syarikat / Pembekal sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar sebut harga yang sah (*bona-fide quotation*).
4. Penerangan lanjut boleh dirujuk kepada Bahagian Khidmat Bakti Negara [BKBN] semasa waktu bekerja melalui talian telefon : +6732340033 / +6732340045 yang bertempat di Ibu pejabat Bahagian Khidmat Bakti Negara [BKBN], Blok 18, Simpang 32-15, Flat Kerajaan Anggerak Desa, Jalan Berakas BB3713, Negara Brunei Darussalam.
5. Sebut harga hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan Bilangan dan Tajuk sebut harga serta tarikh tutup sebut harga tanpa menyatakan nama Syarikat / Pembekal dengan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam.
6. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di :
Tingkat 1, Ruang Masuk /

Penyambut Tetamu
(depan kaunter sekuriti)
Bangunan Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan
BS8110
Negara Brunei Darussalam.
(PETI TAWARAN BERWARNA
HIJAU)

Tidak lewat jam 2.00 Petang, Khamis,
12 Januari 2017.

7. Tarikh terakhir mengambil dokumen sebut harga adalah pada Rabu, 11 Januari 2017, jam 11.00 Pagi.

8. Sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

9. Sebelum Dokumen sebut harga dikeluarkan, setiap Syarikat / Pembekal adalah dikehendaki untuk membawa dan menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (*Business Enactment Section 16 & 17*) dan dikehendaki membayar Yuran sebut harga dengan kadar yang telah ditetapkan.

10. Sebut harga mestilah dihadapkan dengan menggunakan Borang Sebut harga yang telah disediakan. Sebut harga yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

11. Setiap Borang Sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah menyertakan Salinan Sijil Pendaftaran (seperti kenyataan para 11) dan salinan resit pembayaran yuran sebut harga (seperti kenyataan para 5).

12. Syarikat / Pembekal yang dimiliki oleh Pegawai / Kakitangan Kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.

13. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima sebut harga yang rendah atau lain-lain sebutharga.

14. Salinan resit pembayaran (perenggan 3), sijil perniagaan disertakan bersama dengan Dokumen Sebut harga.

15. Syarikat / Pembekal yang menolak atau membatalkan sebut harga atau kontrak setelah kebenaran sebut harga diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan LTN/4(39/1997).



BAHAGIAN KHIDMAT BAKTI NEGARA (BKBN)
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

BAHAGIAN KHIDMAT BAKTI
NEGARA (BKBN)
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN
ALAT TULIS DAN BARANG
KEPERLUAN PEJABAT BAGI IBU
PEJABAT BAHAGIAN KHIDMAT
BAKTI NEGARA (BKBN) SERTA
PENGUNAAN PELATIH-PELATIH DI
KEM LATIHAN PROGRAM KHIDMAT
BAKTI NEGARA (PKBN)
PENGAMBILAN KE-6, KEMENTERIAN
KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN SEBUT HARGA :
3/JANUARI/2017/PKBN/1.40/17

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada Syarikat / Pembekal tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

